

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 21 OKTOBER 2015

SOALAN :

DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bantahan terhadap pengundi baru dan pengundi yang menukar alamat mengikut negeri bagi tahun 2014 dan 2015.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2014, jumlah bantahan terhadap pemilih yang membuat pendaftaran baru adalah sebanyak **1,021 orang** dan bantahan terhadap pemilih yang membuat pendaftaran tukar alamat adalah sebanyak **632 orang**.

Bagi tahun 2015 iaitu sehingga Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Kedua Tahun 2015 (DPT ST 2/2015), jumlah bantahan terhadap pemilih yang membuat pendaftaran baru adalah sebanyak **576 orang** dan bantahan terhadap pemilih yang membuat pendaftaran tukar alamat adalah sebanyak **543 orang**.

Sekian, terima kasih.